

Santunilah WARGA EMAS kita



PADA 1 Oktober lalu, Hari Warga Emas sedunia diadakan di seluruh dunia. Penulis terpanggil membicarakan golongan ini pada kali ini. Ini kerana golongan ini perlu diberikan perhatian dan sangat dekat di hati penulis.

Warga emas ditakrifkan mereka yang berumur 60 tahun ke atas. Takrifan ini berpandukan kepada takrifan yang dibuat di 'World Assembly On Ageing 1982' di Vienna.

Dikatakan Malaysia bakal menjadi negara tua dengan jumlah 15 peratus penduduk terdiri daripada warga emas menjelang 2030.

Perkara ini juga disahkan menurut kajian Institut Penyelidikan Penuaan Malaysia, Universiti Putra Malaysia (UPM).

Senario Warga Emas

Sebanyak 80 peratus warga emas mengakui mereka mahu dijaga anak masing-masing.

Namun, ramai dalam kalangan anak enggan menjaga ibu bapa kerana banyak kekangan hingga memaksa mereka menempatkan ibu bapa ke rumah kebajikan warga emas.

Menurut statistik Jabatan

...ramai dalam kalangan anak enggan menjaga ibu bapa kerana banyak kekangan hingga memaksa mereka menempatkan ibu bapa ke rumah kebajikan warga emas.

Perangkaan Malaysia, golongan warga emas berjumlah 2.2 juta orang atau 7.7 peratus daripada 28.3 juta penduduk Malaysia sehingga 2011. Malaysia merupakan negara yang pesat membangun ke arah mencapai matlamat menjadi negara maju.

Pembangunan ini sekali gus meningkatkan taraf hidup rakyat. Namun, terdapat segelintir golongan warga emas masih terabai.

Pengabaian warga emas berlaku dalam semua lapisan masyarakat.

Faktor Pengabaian

Terdapat pelbagai faktor warga emas diabaikan. Antara faktor tersebut ialah warga emas mungkin pernah mengabaikan tanggungjawab terhadap keluarga di usia muda.

Keluarga warga emas yang terabai sukar melupakan sejarah silam akibat diabaikan.

Terdapat dalam kalangan mereka yang menyimpan perasaan kecewa, benci dan dendam

kerana pernah diabaikan nafkah hidup, tidak diberikan pelajaran, didera atau tidak diberi kasih sayang secukupnya.

Pengalaman ini meninggalkan kesan mendalam dalam hubungan mereka hingga mendorong mereka menyisihkan warga emas walaupun ibu bapa kandung sendiri.

Ramai dalam kalangan warga emas yang terabai didapati pernah terjebak dalam gejala sosial di usia muda.

Masalah sosial seperti melakukan jenayah, penyalahgunaan dadah dan berfoya-foya menyebabkan mereka gagal melaksanakan tanggungjawab terhadap keluarga.

Selain itu, masalah kewangan yang dialami oleh warga emas

juga antara faktor pengabaian warga tersebut.

Kesan Pengabaian

Terdapat kes warga emas ditempatkan di institusi kebajikan. Warga emas yang tiada waris terpaksa tinggal di pusat jagaan yang disediakan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM).

Sekiranya masalah pengabaian warga emas tidak dibendung, maka semakin bertambah bilangan warga emas di pusat jagaan.

Seterusnya, bebanan kos perkhidmatan perubatan. Warga emas yang terdampar di hospital kerajaan juga merupakan golongan yang terabai kerana tiada waris dapat dikesan atau tiada yang mahu menjaga mereka.

Masalah ini memberikan tekanan kepada pihak hospital seperti meningkatnya kos rawatan, bebanan tugas pengesanan waris, penggunaan katil yang menghadkan kemasukan wad untuk pesakit lain dan kos pengurusan jenazah tidak dituntut. Budaya menghantar warga

emas ke pusat jagaan sebenarnya bertentangan dengan nilai budaya masyarakat Timur yang mengutamakan nilai hidup ke-masyarakatan.

Pilihan menghantar warga emas ke pusat jagaan bukan pilihan yang terbaik kerana kehidupan dalam suasana keluarga lebih baik berbanding dengan kehidupan di pusat jagaan.

Institusi Kekeluargaan Perlu Dipertahankan

Walaupun terdapat banyak pusat jagaan di negara kita, kemudahan ini bukan bermakna langkah terbaik menyelesaikan masalah pengabaian warga emas oleh keluarga.

Institusi kekeluargaan perlu dipertahankan melalui kerjasama antara agensi bantuan.

Pihak kerajaan perlu menggalakkan ahli masyarakat supaya membantu keluarga yang menghadapi masalah kurang sokongan sosial untuk menjaga warga emas melalui kempen galakan khidmat sukarela dan mengadakan akta menjaga ibu bapa supaya mereka tidak diabaikan oleh anak-anak.

PENGERUSI Darul Hanan Datuk Jahara Hamid (kiri) beramah mesra dengan warga emas Khatija Bibi Shahul Hamid, 73, pada Majlis Perasmian Wad Pesakit Terlantar di Rumah Kebajikan Darul Hanan, Pongsu Seribu. – Bernama

